

LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender
Women
In Sports

PM DR.
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or
Equal Outcomes?




JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

ASAL MUSIM PEPERIKSAAN AKHIR, SIDANG TATATERTIB DATANG LAGI! BAHANA CUIAI, ALPA, LEKA MEMAKAN DIRI

Oleh: Norashikin Shariffuddin (norashikin586@uitm.edu.my) &
Sharifah Shatrah Dato Syed Hamid (shatraheuitm.edu.my)



PENGENALAN

Artikel ini digarap untuk tatapan para pelajar dan sebagai peringatan akan kesan dan akibat melanggar peraturan-peraturan Peperiksaan Akhir. Penulis berkongsi kisah benar yang mana nama-nama pihak terlibat telah ditukarkan bagi menjaga kerahsiaan dan maklumat sulit serta reputasi pihak-pihak yang terbabit. Semoga kisah benar yang dizahirkan ini dibaca, ditampal dan disemat kemas di hati dan minda anak-anak didik agar tiada lagi wujudnya “Fatimah Sulong” yang mendapat keputusan FD “Failed with Disciplinary Action”. Penulis terpanggil untuk menulis kisah ini kerana setiap semester, pada musim peperiksaan akhir, pasti akan ada tanpa gagal kes-kes seperti Fatimah Sulong.

Perlu diingatkan kepada para pelajar, apabila di transkrip keputusan telah tertera dengan jelas “FD” secara tidak langsung memberi impak kepada pelajar ketika memohon kerja suatu masa nanti. Impak “FD” dapat dilihat dari sudut lensa majikan bahawa pemohon mempunyai masalah etika disiplin, tidak bertanggungjawab, tiada nilai-nilai amanah, integriti dan seterusnya bakal menyulitkan majikan sekiranya diambil bekerja.

Sebelum “nasi menjadi bubur”, penulis menggunakan medan buletin Lex Read edisi ke-3 untuk berkongsi kisah benar yang terjadi agar isu meniru, membawa nota ke dalam dewan peperiksaan khususnya dapat diatasi dengan jayanya. Penulis merupakan Penasihat Undang-undang kes tatatertib Hal Ehwal Akademik yang telah dilantik untuk mendengar serta menasihati para panel tatatertib berkaitan undang-undang dan Akta 174. Beliau juga turut hadir dan terlibat pada sidang kes tatatertib Fatimah Sulong.

Kisah dan Tauladan: Membawa nota berkaitan ke dalam dewan peperiksaan

Fatimah Sulong (bukan nama sebenar) merupakan pelajar jurusan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi di Universiti Teknologi MARA (Kampus Seri Indah) telah ditangkap dan dituduh membawa nota masuk ke dewan peperiksaan Zon A, Tingkat 8A pada 25 Julai, 2023. Selepas tamat peperiksaan untuk kod kursus LAW 299, Business Law pada hari tersebut, Fatimah Sulong telah berjumpa dengan beberapa pegawai hal ehwal akademik Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi untuk menerangkan situasi sebenar.



Hasil siasatan yang diadakan mendapati nota yang didakwa dibawa masuk oleh Fatimah Sulong itu boleh digunakan sebagai bukti utama untuk tuduhan membawa nota masuk ke dewan peperiksaan. Fatimah bersungguh-sungguh membela dirinya dengan mengatakan slip peperiksaan bukanlah nota tambahan sebaliknya dokumen yang wajib dibawa dan diletakkan di atas meja untuk dirujuk oleh pengawas peperiksaan ketika peperiksaan akhir dilaksanakan. Fatimah memberikan alasan bahawa dia terlupa untuk memadam nama-nama kes yang tercatat pada muka surat belakang slip peperiksaan dan tiada niat untuk membawa nota hatta meniru.

Satu tarikh sidang tatatertib telah ditetapkan pada 18 Ogos, 2023 setelah siasatan ke atas beliau, saksi-saksi telah lengkap dan sempurna dilaksanakan. Fatimah Sulong diminta untuk hadir ke sesi perbicaraan pada tarikh tersebut dan diberikan hak pendengaran (audi alteram partem) dan hak mendapatkan representasi (wakil) mengikut Kaedah 10 Akta 174.

Pada sidang perbicaraan tatatertib, Fatimah Sulong telah ditemani ibu beliau, Puan Farrazidatul Osoman dan panel-panel yang diamanahkan untuk mendengar kes Fatimah Sulong adalah Dr Sharifah Ixora Azeline selaku Pengerusi, ahli-ahli panel iaitu Encik Ku Amarullah Al Fateh, En Muhammad Azreyl Rosley Dhobi dan Puan Hazeline Thummabelina serta En Mohd Syahril Hud Al-Haq yang bertindak sebagai Penasihat Undang-undang.

Perbicaraan dimulakan dengan setiausaha, Puan Norlailaspalela Shatrah membacakan keterangan fakta kes. Setelah selesai dibacakan, Dr Sharifah Ixora Azeline bertanyakan kepada Fatimah Sulong, "Adakah saudara memahami perkara yang disebutkan tadi?" Fatimah menjawab, "Saya faham."

Dr Sharifah Ixora Azeline menyambung, "Jadi tanpa sebarang paksaan, tekanan dan janji serta secara sukarela, adakah anda mengaku bersalah atau mengaku tidak bersalah?"

Dengan perlahan, Fatimah Sulong menunduk menahan air matanya seraya berkata, "Saya mengaku bersalah." Kelihatan ibu, Puan Farrazidatul Osoman juga menyeka air mata yang gugur apabila mendengar pengakuan bersalah oleh anaknya. Selepas pengakuan bersalah direkodkan oleh setiausaha, Fatimah Sulong dibenarkan duduk dan sebelum panel tatatertib menjatuhkan hukuman atas kesalahan membawa nota masuk ke dewan peperiksaan, Fatimah Sulong diberikan peluang untuk mitigasi.

Apakah itu mitigasi?

Mitigasi atau bahasa mudah adalah satu proses membuat rayuan secara lisan untuk mengurangkan hukuman selepas PKT mengaku bersalah. Antara input yang boleh digunakan untuk mitigasi ialah PKT menyatakan rasa sesalan dan kesalahan yang dilakukan adalah kali pertama, berkongsi latar belakang keluarga iaitu pekerjaan ibu bapa, serta prestasi akademik PKT.

PKT juga boleh menyatakan sumbangan khidmat bakti yang pernah diberikan kepada universiti seperti aktif sebagai Komander Kesatria atau pernah mewakili universiti untuk kejohanan di peringkat universiti, kebangsaan mahupun negara.

Sekiranya pelajar yang kena tuduh atau "PKT" tidak tahu kaedah membuat mitigasi, maka peranan Penasihat Undang-undang adalah diperlukan untuk membantu proses mitigasi dapat dilaksanakan dengan mudah dan lancar. En Mohd Syahril Hud Al-Haq akan bertanyakan beberapa soalan kepada PKT ketika proses mitigasi serta menerangkan setiap satu hukuman-hukuman yang bakal dikenakan mengikut **kaedah 48 Akta 174**.

Kaedah 48, Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976

Kaedah 48. Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali:

- a) amaran;*
- b) denda tidak lebih lima ratus ringgit;*
- c) penggantungan daripada mana-mana daripada atau kesemua kemudahan-kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;*

d) penggantungan daripada menduduki kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan;

e) penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di Institusi;

f) penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;

g) pembuangan daripada Institusi, oleh pihak berkuasa tatatertib.



Penulis juga ingin berkongsi input-input penting yang perlu para pelajar cakna dan beringat sebelum menghadiri peperiksaan akhir.

Apakah jenis/kaedah cubaan meniru yang sering dilakukan oleh pelajar?

Antaranya ialah:

1. Membawa masuk nota ke dalam bilik peperiksaan (nota berkaitan atau tidak berkaitan).
2. Menulis nota pendek pada kalkulator/slip menduduki peperiksaan/lanyard/tisu/sapu tangan dan lain lain.

3. Memasukkan nota ke dalam bekas pensil.
4. Menyimpan nota di dalam telefon bimbit.
5. Keluar dari dewan peperiksaan seperti ke tandas untuk merujuk nota.
6. Menulis nota di lengan baju.
7. Menconteng nota di tapak tangan/kaki.
8. Menyembunyikan alat rakaman di dalam tudung.
9. Menyorok nota di dalam sarung kaki/poket baju.
10. Cubaan melihat kertas jawapan pelajar lain yang berhampiran dengannya.

Apakah langkah yang perlu diambil oleh Ketua/Pengawas Peperiksaan bagi mengelakkan kes salah laku ini?

Antaranya ialah:

1. Sebelum pelajar masuk ke dalam bilik peperiksaan, Ketua/Pengawas Peperiksaan perlu meminta setiap pelajar memeriksa pakaian, slip menduduki peperiksaan dan bekas pensil masing-masing yang berkemungkinan ada terselit nota.
2. Setelah pelajar masuk ke dalam bilik peperiksaan dan sebelum arahan peperiksaan dibaca, Ketua/Pengawas Peperiksaan perlu mengumumkan sekali lagi langkah no 1 di atas.
3. Sekiranya ada, pelajar perlu memberikan nota tersebut kepada Ketua/Pengawas Peperiksaan.
4. Ketua/Pengawas Peperiksaan perlu memastikan setiap pelajar meletak telefon bimbit, smart watch (sekiranya ada) masing-masing di atas lantai. Bukan di atas meja atau poket baju mahupun di dalam bekas pensil.

Pemakaian prinsip keadilan semulajadi adalah penting untuk setiap pelajar mengetahui hak dan keperluan membela diri terutamanya dalam kes yang melibatkan tatatertib pelajar.



Oleh yang demikian, besarlah harapan penulis agar anak-anak didik dapat mengambil iktibar, pedoman dari kisah benar Fatimah Sulong, dek bahana cuai, alpa, lalai, leka telah memakan diri Fatimah Sulong dan masa depannya, impian ibunya turut terkubur. Maka, sandarkan segala-segalanya kepada tuhanmu agar qada' dan qadar mu itu sentiasa di bawah lembayung Rahmat-Nya.

Eh, apakah keputusan yang dijatuhkan oleh para panel tatatertib ke atas Fatimah Sulong? Panel telah sebulat suara sepakat memutuskan hukuman ke atas Fatimah Sulong mengikut **kaedah 48 (a), (b) dan (d)**. Dapat sesuatu?

Masihkah ada peluang untuk Fatimah Sulong merayu ke atas hukuman yang dikenakan? Nak tahu, kita jumpa ulasan di Lex Read edisi ke-4 pula.

RUJUKAN

Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976